| | Registration Process<br>Consultant Quantity Surveying Practice : Checklist New Registration | Document No. | CQSP-01 (C.LIST/NEW) |
|---|---|---|---|
| | | Version | 2 |
| | | Effective Date | 30.09.2019 |

**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**
**PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN FIRMA JURUUKUR BAHAN PERUNDING (CQSP)**

A. MAKLUMAT PENTING UNTUK PEMOHON

1. Hanya permohonan yang lengkap akan diproses.
2. Sila ambil maklum bahawa semua permohonan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan untuk perakuan sebelum dibentangkan di Mesyuarat Lembaga untuk keputusan rasmi. Permohonan lengkap yang diterima kurang 3 hari dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa hanya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga yang seterusnya.
3. Permohonan dan dokumen sokongan perlu dilengkapkan dan dimuatnaik melalui sistem ReQSys berdasarkan senarai semakan permohonan yang telah ditetapkan.
4. Tiada sebarang penerimaan dokumen sokongan di dalam bentuk fizikal (*hardcopy).*

B. SENARAI SEMAKAN PERMOHONAN

<table>
<tr><th>NO</th><th>PERKARA</th><th>TINDAKAN (√)</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a) Memastikan keperluan Garispanduan Pendaftaran Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) seperti berikut dipenuhi:<br>(i) Kelayakan prinsipal / rakankongsi / pengarah dari kategori pendaftaran dan status di dalam firma (sepenuh masa atau bukan sepenuh masa)<br>(ii) Nama Praktis<br>(Nota : sila rujuk Garispanduan Pendaftaran LJBM yang boleh dimuatturun di portal LJBM)<br>(b) Bagi firma berstatus Pertubuhan Perbadanan, penubuhan firma perlu sentiasa memenuhi keperluan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</td><td>❑</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Menyediakan dokumen-dokumen untuk dimuatnaik di dalam sistem ReQSys :
<table>
<tr><th>NO</th><th>DOKUMEN</th></tr>
<tr><td>(i)</td><td>Sesalinan Ijazah bagi prinsipal / rakankongsi / pengarah</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Sesalinan Sijil Perakuan Pendaftaran dengan LJBM bagi prinsipal / rakankongsi / pengarah</td></tr>
<tr><td>(iii)</td><td>Akuan berkanun mengenai kebankrapan oleh prinsipal / rakankongsi / pengarah yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah (sila rujuk format surat akuan oleh LJBM)</td></tr>
<tr><td>(iv)</td><td>Pengisytiharan status pekerjaan terkini prinsipal / rakankongsi / pengarah</td></tr>
<tr><td>(v)</td><td>Sesalinan ‘Partnership Agreement’ atau Memorandum and Articles of Association (M & A)/ Seksyen 14 (SSM) dengan memasukkkan terma mengenai aktiviti firma sebagai Perunding Juruukur Bahan seperti berikut:-<br><br>”The objects for which the Company is established are:-<br>To practise or carry on the business of Quantity Surveying, Building Economist, Building Cost Consultant, Construction Cost Consultant or the equivalent thereto, and in particular to prepare and submit to any person, organisation or Authority in Malaysia for construction projects and feasibility study reports, preliminary estimates, cost plans, document and report for pre-qualification of contractors, bills of quantities and other tender documents, tender estimates and reports, contract documents and valuation of works for interim payments, variations and final accounts and any other additional or new services relating to the practise of Quantity Surveying, which shall be all in accordance with and subject to the Quantity Surveyors Act 1967 (Revised) and all Rules made under the said Act and thereof for the time being in force concerning the Quantity Surveyors Act in Malaysia".</td></tr>
</table></td><td>❑</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>NO</th><th>PERKARA</th><th>TINDAKAN (√)</th></tr>
<tr><td></td><td><table>
<tr><td>(vi)</td><td>Dokumen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkaitan :<br>(i) Maklumat penubuhan syarikat<br>(ii) Maklumat struktur pengarah terkini syarikat<br>(iii) Maklumat modal berbayar syarikat. Sila ambil maklum bahawa modal berbayar bagi firma Pertubuhan Perbadanan adalah sekurang-kurangnya RM50,000.00.<br>Nota : Dokumen perlu diperakui sah oleh pihak SSM atau Setiausaha Syarikat.</td></tr>
<tr><td>(vii)</td><td>Dokumen tambahan (sekiranya berkaitan) :<br>(i) Bagi pengarah / rakankongsi yang mempunyai komitmen sebagai pekerja dalam firma berkaitan industri pembinaan : Surat perletakan jawatan / akujanji untuk meletakkan jawatan daripada jawatan masakini bagi prinsipal / rakankongsi / pengarah<br>(ii) Bagi pengarah / rakankongsi yang mempunyai komitmen sebagai pengarah / rakankongsi dalam firma Perunding Ukur Bahan : Surat kelulusan dari rakankongsi / pengarah untuk menubuhkan firma.<br>(iii) Bagi pengarah / rakankongsi yang mempunyai komitmen sebagai pengarah dalam firma berkaitan industri pembinaan : Surat memohon kebenaran daripada LJBM untuk menjadi pengarah firma berkaitan industri pembinaan (rujuk Fasal 27 (4) Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan (pindaan) 2016)</td></tr>
</table></td><td></td></tr>
<tr><td>3</td><td>Bayaran adalah secara atas talian melalui sistem ReQSys. Jumlah bayaran yang perlu dikemukakan adalah sebanyak RM2,100.00 yang merangkumi;<br>• RM2,000.00 (yuran pendaftaran).<br>• RM100.00 (yuran pemprosesan yang tidak akan dikembalikan).</td><td>❑</td></tr>
</table>

Sila ambil maklum bahawa pemohon berkemungkinan dikehendaki menghadiri sesi temuduga yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan sebelum permohonan boleh dipertimbangkan. Pemohon akan dimaklumkan jadual sesi temuduga tersebut oleh sekretariat LJBM setelah semua keperluan permohonan dipenuhi.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sekretariat Pendaftaran Firma Juruukur Bahan Perunding di talian : 03-26108140 atau e-mail : alina@bqsm.gov.my.